



**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL
PEKELILING MAJIKAN BIL.5 TAHUN 2020**

**TATACARA PERMOHONAN PROGRAM SUBSIDI UPAH OLEH MAJIKAN BAGI
SETIAP PEKERJA DI BAWAH PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN
RAKYAT
(PRIHATIN TAMBAHAN)**

1. TUJUAN

Pekeliling Majikan ini adalah bertujuan untuk menjelaskan kepada majikan berkenaan tatacara permohonan Program Subsidi Upah bagi setiap pekerja di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN TAMBAHAN).

2. LATAR BELAKANG

2.1. **Program Subsidi Upah** telah diperkenalkan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 27 Mac 2020 untuk membantu majikan mengekalkan pekerja. YAB Perdana Menteri sekali lagi telah membuat pengumuman di bawah pakej PRIHATIN TAMBAHAN pada 6 April 2020 bagi langkah penambahbaikan kepada Program Subsidi Upah bagi setiap pekerja dengan kadar RM600, RM800 dan RM1,200 mengikut syarat-syarat berikut:

- (i) **Majikan yang mempunyai pekerja lebih daripada 200 orang**, subsidi upah sebanyak RM600 bagi setiap pekerja yang terhad kepada 200 orang pekerja.

- (ii) **Majikan yang mempunyai bilangan pekerja 76 hingga hingga 200 orang**, subsidi upah sebanyak RM800 bagi setiap pekerja terhad kepada 200 orang pekerja.
- (iii) **Majikan yang mempunyai bilangan pekerja sehingga 75 orang dan ke bawah**, subsidi upah sebanyak RM1,200 bagi setiap pekerja terhad kepada 75 orang pekerja.

2.2. Bantuan selama 3 bulan ini dikhususkan untuk majikan yang berdaftar dengan PERKESO yang mempunyai pekerja tempatan yang berpendapatan bulanan RM4,000 dan ke bawah. Diharap dengan Program Subsidi Upah ini akan dapat membantu lebih ramai majikan dan pekerja.

3. LIPUTAN PROGRAM SUBSIDI UPAH

- 3.1. Program Subsidi Upah meliputi majikan sektor swasta yang mempunyai pekerja tempatan yang berdaftar dengan PERKESO.
- 3.2. Syarat-syarat kelayakan majikan adalah mengikut jumlah pekerja yang digajikan seperti di **Jadual 1** berikut:

JADUAL 1: PROGRAM SUBSIDI UPAH PRIHATIN TAMBAHAN

Saiz Perusahaan	75 orang pekerja dan ke bawah	76 hingga 200 orang pekerja	201 orang pekerja dan ke atas (lebih 200 orang)
a) Bantuan Kewangan	RM1,200 sebulan setiap pekerja	RM800 sebulan setiap pekerja	RM600 sebulan setiap pekerja
b) Had Bilangan Pekerja yang Boleh Dituntut	75 orang	200 orang	200 orang
c) Tempoh Bantuan	3 bulan	3 bulan	3 bulan
d) Syarat-Syarat Kelayakan:			
Kadar Penurunan Pendapatan atau Jualan	Tiada syarat ditetapkan	Kadar penurunan sebanyak 50% atau lebih daripada jumlah jualan atau pendapatan berbanding dengan	Kadar penurunan sebanyak 50% atau lebih daripada jumlah jualan atau pendapatan berbanding dengan

Saiz Perusahaan	75 orang pekerja dan ke bawah	76 hingga 200 orang pekerja	201 orang pekerja dan ke atas (lebih 200 orang)
		bulan Januari 2020 atau bulan-bulan berikutnya	bulan Januari 2020 atau bulan-bulan berikutnya
Pendaftaran Majikan	1. Majikan dan pekerja hendaklah berdaftar atau mencarum dengan PERKESO sebelum 1 April 2020 . 2. Majikan telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM - Companies Commission of Malaysia) atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebelum 1 Januari 2020 . 3. Majikan hendaklah mula beroperasi sebelum 1 Januari 2020 .		
Gaji Pekerja	Pekerja bergaji RM4,000 dan ke bawah		
Syarat-Syarat Lain	Bagi majikan yang memilih untuk menerima bantuan ini, mereka disyaratkan untuk mengekalkan pekerja mereka, tidak memotong gaji ataupun mengarahkan pekerja mengambil cuti tanpa gaji sekurang-kurangnya untuk tempoh 6 bulan, iaitu dalam tempoh 3 bulan semasa menerima subsidi upah dan 3 bulan selepas itu.		
e) Tarikh Kuatkuasa	Bermula 1 April 2020		
f) Cara Permohonan	Permohonan hendaklah dikemukakan oleh majikan melalui capaian laman sesawang prihatin.perkeso.gov.my mulai 9 April 2020		
g) Tarikh Akhir Permohonan	15 September 2020 atau tertakluk kepada baki dana yang diperuntukkan atau sebarang keputusan oleh Kerajaan		
h) Kaedah Bayaran	Bayaran subsidi upah akan dikreditkan kepada akaun majikan dalam tempoh 7-14 hari dari tarikh kelulusan		

- 3.3. Bagi majikan yang menggajikan pekerja seramai 76 orang dan lebih adalah tertakluk kepada syarat kadar penurunan sebanyak 50% atau lebih daripada jumlah jualan atau pendapatan berbanding dengan bulan Januari 2020 atau bulan-bulan berikutnya.
- 3.4. Program Subsidi Upah adalah bagi majikan yang menggajikan pekerja yang berpendapatan bulanan RM4,000 dan ke bawah. Bantuan Program Subsidi Upah adalah selama 3 bulan bagi majikan dan pekerja yang telah berdaftar dengan PERKESO sebelum 1 April 2020. Majikan hendaklah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebelum 1 Januari 2020.

- 3.5. Program Subsidi Upah tidak meliputi majikan yang berdaftar dengan SSM atau PBT pada atau selepas 1 Januari 2020. Termasuk pekerja yang telah mendapat bantuan kewangan Program Pengekalan Pekerjaan (ERP) pada bulan yang sama, pekerja yang diberhentikan kerja, pekerja sektor awam, badan berkanun persekutuan dan negeri, semua badan berkanun yang diasingkan saraan, PBT, mereka yang bekerja sendiri (tidak mempunyai majikan) termasuk *freelancers* dan pekerja asing serta pegawai dagang (*expatriates*).

Syarat Kelayakan Bayaran dan Tempoh Layak

- 3.6. Permohonan Program Subsidi Upah yang telah diluluskan oleh PERKESO layak menerima bayaran daripada Program Subsidi Upah untuk tempoh maksimum 3 bulan mengikut syarat-syarat berikut:
- (i) **Majikan yang mempunyai pekerja lebih daripada 200 orang**, subsidi upah sebanyak RM600 bagi setiap pekerja yang terhad kepada 200 orang pekerja.
 - (ii) **Majikan yang mempunyai bilangan pekerja 76 hingga hingga 200 orang**, subsidi upah sebanyak RM800 bagi setiap pekerja terhad kepada 200 orang pekerja.
 - (iii) **Majikan yang mempunyai bilangan pekerja sehingga 75 orang dan ke bawah**, subsidi upah sebanyak RM1,200 bagi setiap pekerja terhad kepada 75 orang pekerja.
- 3.7. Majikan yang menerima bantuan Program Subsidi Upah disyaratkan tidak boleh membuang pekerja yang berpendapatan RM4,000 sebulan dan ke bawah, tidak boleh memotong gaji dan mengarahkan pekerja mengambil cuti tanpa gaji dalam tempoh 3 bulan semasa menerima bayaran subsidi upah dan untuk 3 bulan selepas itu.
- 3.8. Majikan hendaklah mengemukakan permohonan Program Subsidi Upah beserta senarai pekerja yang terlibat dan Akuan Pengisytiharan Pendapatan PSU50. Bagi majikan yang mempunyai pekerja seramai 76 orang atau lebih

hendaklah mengemukakan bukti atau dokumen sokongan seperti penyata kewangan atau laporan jualan yang menunjukkan penurunan sebanyak 50% atau lebih daripada jumlah jualan atau pendapatan berbanding dengan bulan Januari 2020 atau bulan-bulan berikutnya.

- 3.9. Sekiranya terdapat perubahan senarai pekerja atau status pemiagaan, majikan dikehendaki untuk melaporkan perubahan tersebut kepada PERKESO sebelum menerima bayaran subsidi upah bagi bulan berikutnya. Kegagalan majikan tidak melaporkan perubahan tersebut boleh dikenakan tindakan undang-undang.
- 3.10. Majikan hendaklah membayar caruman PERKESO dan SIP seperti biasa semasa dan selepas menerima bayaran daripada Program Subsidi Upah sebagaimana gaji sebenar pekerja dibayar pada setiap bulan.
- 3.11. Majikan yang telah menerima bantuan ERP sebelum ini juga boleh membuat permohonan Program Subsidi Upah mengikut syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan seperti di perenggan 3.1 hingga perenggan 3.10.

Tatacara Permohonan

- 3.12. Majikan hendaklah mengemukakan permohonan Program Subsidi Upah di capaian laman sesawang prihatin.perkeso.gov.my dengan mengemukakan dokumen-dokumen berikut:
 - (i). Senarai maklumat pekerja mengikut had kelayakan jumlah pekerja – hendaklah menggunakan format Microsoft Excel yang disediakan sahaja;
 - (ii). Maklumat akaun bank majikan (salinan muka depan penyata bank sahaja);
 - (iii). Maklumat *Business Registration Number (BRN)* yang didaftarkan oleh majikan ketika pembukaan akaun bank;
 - (iv). Salinan pendaftaran SSM/ROS/ROB/Pihak Berkuasa Perkhidmatan Professional, Saintifik atau Teknikal/Lesen Pemiagaan;

- (v). **Akuan Pengisytiharan PSU50**; dan
- (vi). ****Dokumen sokongan seperti penyata kewangan atau laporan jualan yang telah disahkan oleh pihak pengurusan atau lain-lain dokumen yang berkaitan.**

****Dokumen sokongan diperlukan bagi perusahaan yang mempunyai pekerja seramai 76 orang atau lebih sahaja.**

4. PEMAKAIAN

Pengemukakan permohonan Program Subsidi Upah hanya boleh dilaksanakan secara online di capaian laman sesawang prihatin.perkeso.gov.my mulai **9 April 2020**.

5. PERTANYAAN


Sebarang pertanyaan, sila hubungi Pegawai Perkhidmatan Pelanggan PERKESO di talian 03-4264 5555 / 03-8091 5100 / 1-300-22-8000 atau emel kepada perkeso@perkeso.gov.my

6. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling Majikan Bil. 5 Tahun 2020 adalah berkuatkuasa mulai 1 April 2020, dan tertakluk kepada pindaan yang akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Majikan Bil.5 Tahun 2020, maka Pekeliling Majikan Bil. 3 Tahun 2020 adalah terbatal secara serta merta.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED)

Ketua Eksekutif

Pertubuhan Keselamatan Sosial

Tarikh: 9 April 2020



PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN RAKYAT 2020
PROGRAM SUBSIDI UPAH
AKUAN PENGISYTIHARAN PSU50

Saya,.....(nama)....., No. K/P: yang
beralamat di

Dengan sesungguhnya mengisytiharkan dan menyatakan seperti berikut:

1. Saya adalah majikan / wakil majikan* (potong yang mana berkenaan), atas nama perusahaan..... dan No. Kod Majikan..... adalah berkuasa dan diberi kuasa untuk membuat Akuan Pengisytiharan PSU50 ini.
2. Saya mengaku janji bahawa majikan di atas:
 - 2.1 Telah mengalami kadar penurunan sebanyak lima puluh peratus (50%) atau lebih daripada jumlah jualan atau pendapatan berbanding dengan bulan Januari 2020 atau bulan-bulan berikutnya (bagi perusahaan yang mempunyai keseluruhan pekerja seramai 76 orang pekerja dan ke atas);
 - 2.2 Telah dan akan membayar gaji pekerja-pekerja yang terlibat di dalam Program Subsidi Upah (PSU) serta tidak akan menamatkan perkhidmatan pekerja dalam tempoh PSU dan tiga bulan selepasnya;
 - 2.3 Akan mengemaskini sekiranya berlaku sebarang perubahan ke atas status perniagaan atau bilangan pekerja yang bergaji RM4,000 ke bawah dalam tempoh PSU ini;
 - 2.4 Telah dan akan berdaftar bagi perusahaan dan pekerja di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4] dalam tempoh PSU ini;
 - 2.5 Tidak akan membayar bantuan PSU kepada mana-mana pekerja asing yang digaji oleh majikan; dan
 - 2.6 Akan mengemukakan apa-apa dokumen yang diminta oleh PERKESO berkait dengan perkara dalam perenggan 2.1 sehingga 2.4 di atas.
3. Saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar dan betul. Saya sesungguhnya faham sekiranya apa-apa maklumat yang saya berikan atau pengesahan akuan ini adalah tidak benar, tidak betul atau palsu, saya boleh dikenakan tindakan di bawah peruntukan mana-mana undang-undang.

Akuan Pengisytiharan PSU50 dibuat oleh(nama)..... dan diikrarkan pada (tarikh) seperti mana tandatangan di bawah.

Tandatangan : Cop Majikan :

LETTERHEAD SYARIKAT

Ketua Pejabat
Sistem Insurans Pekerjaan
Pertubuhan Keselamatan Sosial

PENGESAHAN MAKLUMAT *BUSINESS REGISTRATION NUMBER* (BRN) YANG BERDAFTAR DENGAN PIHAK BANK UNTUK PEMBAYARAN BANTUAN KEWANGAN BAGI PROGRAM SUBSIDI UPAH (PSU)

Semakan dengan pihak bank syarikat mendapati maklumat ***Business Registration Number (BRN)*** syarikat yang didaftarkan ketika pembukaan Akaun Bank syarikat adalah seperti berikut:-

Business Registration Number (BRN)

Sekian, terima kasih.

Nama :

(Pengarah Syarikat atau Orang Yang Diberi Kuasa Bagi Mengurus Hal Ehwal Kewangan Syarikat)

No. Telefon :

Alamat emel :